

04 MAY 1997

Sabbaruddin-AIDS (Bergambar)

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN SEDIA BEKERJASAMA TINGKAT PENDIDIKAN MENGENAI AIDS

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersedia untuk bekerjasama dengan sektor industri perkhidmatan dalam usaha menggalak dan meningkatkan pendidikan jangkitan HIV/AIDS.

Menteri berkenaan Datuk Sabbaruddin Chik berkata pendidikan itu bukan hanya untuk pelancong tetapi bagi pekerja-pekerja dalam industri perkhidmatan.

"Pelancong seringkali diingatkan mengenai risiko yang mereka hadapi jika membabitkan diri dalam aktiviti seks tidak selamat," katanya ketika merasmikan "Malam Memperingati AIDS Sedunia" di Dataran Merdeka malam ini.

Bagi pekerja dalam sektor perkhidmatan pula, mereka patut dididik mengenai HIV/AIDS secara tepat serta perlu diyakinkan bahawa dalam kerja biasa, kemungkinan untuk menjangkiti HIV adalah tipis, katanya.

Beliau juga berkata sektor pelancongan tempatan tidak terlepas daripada kesan jangkitan AIDS.

"Dengan perhubungan antarabangsa yang semakin mudah, bilangan orang yang mengembara telah berlipat ganda," katanya.

Dalam tahun 1995, kira-kira 6.2 juta rakyat Malaysia melawat ke luar negara dan dalam tempoh itu 7.2 juta pelancong masuk ke negara ini, kata Sabbaruddin.

"Jadi kemungkinan rakyat negara kita boleh dijangkiti adalah besar," katanya.

Beliau berkata tunjuk ajar daripada negara-negara yang mempunyai kebudayaan yang sama mengenai bagaimana pelbagai perantaraan kebudayaan dan seni boleh digunakan untuk mempromosikan pendidikan HIV/AIDS.

Usaha kreatif seperti filem, lakonan serta muzik boleh digunakan untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai HIV/AIDS, katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Presiden Majlis AIDS Malaysia dan Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

-- BERNAMA

HAK AHH